

20 JUL 2003

Mahkamah-Sarong

MAHKAMAH DIMINTA SABITKAN AZALINA KERANA MENGHINA MAHKAMAH

ALOR STAR, 20 Julai (Bernama) -- Pembelaan pada perbicaraan kes rayuan pendakwaan terhadap keputusan mahkamah membebaskan dan melepaskan seorang anggota PAS yang didakwa menunjukkan kemaluannya kepada seorang anggota Puteri Umno semasa kempen pilihan raya kecil Anak Bukit, berhujah meminta ketua pergerakan itu disabitkan kerana menghina mahkamah.

Karpal Singh yang mewakili Abdul Razak Abas, 52, dari Rantau Panjang, yang bekerja sendiri dan bertanding atas tiket PAS di kawasan Parlimen Gua Musang pada pilihan raya umum 1999, berhujah bahawa mahkamah patut mengarahkan Azalina Othman Said diberikan surat tunjuk sebab kenapa beliau tidak boleh dikenakan tuduhan menghina mahkamah berikutan kenyataannya baru-baru ini berhubung kes itu.

Beliau berhujah ulasan Azalina seperti yang dilaporkan oleh New Straits Times pada 21 Jun, adalah "subjudice" memadamkan kes itu masih di peringkat rayuan.

Mahkamah Majistret Alor Star pada 26 Dis lepas membebaskan dan melepaskan Razak daripada tuduhan menunjukkan kemaluannya kepada Yusnita Romli, 27, di sebuah rumah di Pondok Chegar, Anak Bukit, dekat sini pada pukul 6.25 petang, 11 Julai, tahun lepas.

Pendakwa Raya memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi pada hari yang sama terhadap keputusan Mahkamah Majistret itu.

Timbalan Pendakwa Raya B. Sarala Pilai, yang mewakili pendakwaan, memohon lebih banyak masa bagi menyediakan penghujahan mengenai isu menghina mahkamah itu kerana beliau hanya dimaklumkan mengenai perkara itu sejurus sebelum prosiding hari ini.

Beliau juga berkata beberapa orang timbalan pendakwa raya lain juga tidak dapat hadir di mahkamah kerana menghadiri pengebumian jenazah Timbalan Pendakwa Raya Mahathir Shafie, 44, yang bertugas di Perlis, di sini.

Persuruhjaya Kehakiman Datuk Zainal Adzam Abdul Ghani menanggungkan kes itu kepada 19 Okt.

-- BERNAMA

MZM RM LAT